

UMS tidak mahu dilambak 'profesor kangkung'

UB/27/01/2011/11

Oleh SAHAR BURAERA

saharboyz@yahoo.com.my

KOTAKINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig-Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamarulzaman Hj Ampon tidak mahu universiti itu dilambak dengan 'profesor kangkung' hanya kerana kurang ilmu di dada.

Beliau berkata tenaga akademik yang berkualiti perlu faham bahawa universiti bukan tempat mencari rezeki semata-mata kerana ia adalah 'jantung bangsa, nadi negara' yang berperanan membina tamadun dan memperkasakan bangsa.

Katanya, selain berfikiran kritis dan kreatif dalam menangani masalah, budaya akademik yang semakin suram perlu dibangkitkan

serta berani menongkah arus untuk melakukan pembaharuan.

"Jika tidak mencintai ilmu, tambahnya mereka bukanlah akademik sejati tetapi ibarat 'bunga kembang tidak jadi', untuk itu amalan cinta pada ilmu perlu disematkan dalam diri setiap ahli akademik.

"Kita tidak mahu UMS memiliki atau dilambak dengan 'sarjana buah kana' atau 'profesor kangkung' hanya kerana kurang ilmu di dada," katanya, sambil menambah mereka seharusnya meneroka ilmu baru untuk disalurkan kepada masyarakat.

Ketika menyampaikan amanat 2011 di hadapan lebih 5,000 pelajar dan kakitangan UMS di Dewan Canselor di sini kelmarin, Dr

Kamarulzaman berkata setakat ini UMS belum mencapai sasaran Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan bagi penerbitan di kalangan kakitangan, justeru para cendekiawan perlu melipatganda usaha dalam memproses, menulis dan menerbitkan buku ilmiah.

Dalam masa sama, kos penerbitan buku juga perlu dinilai semula kerana harga yang diletakkan untuk satu judul agak mahal dan sukar dipasarkan.

"UMS mempergiatkan penerbitan buku dalam masa yang sama stor penerbitan dipenuhi dengan lambakan buku yang tidak berjaya dipasarkan," katanya, sambil menambah itu merupakan satu kerugian yang besar.